

BAB KELIMA

BAB KELIMA

PERANAN UNIT KERJAYA DAN KAUNSELING INSTITUT TEKNOLOGI MARA (ITM) UNTUK DAKWAH

PENDAHULUAN

Di dalam bab ketiga sebelum ini penulis telah membincangkan mengenai peranan dan fungsi Unit Kerjaya dan Kaunseling. Manakala bab kelima ini, penulis akan membincangkan pula tentang peranan atau sumbangan Unit Kerjaya dan Kaunseling Institut Teknologi MARA (ITM) Shah Alam untuk dakwah.

Untuk melihat peranan UKK untuk dakwah, penelitian harus dilakukan ke atas segala aktiviti atau program yang telah dilaksanakan. Sehubungan dengan itu penulis akan mengupas secara terperinci mengenai aktiviti-aktiviti atau usaha-usaha ke arah dakwah.

Di bawah ini beberapa aktiviti atau program yang telah dilaksanakan oleh UKK untuk dakwah iaitu untuk kebaikan dan bimbingan kepada pelajar-pelajar. Di antaranya adalah sebagai berikut:

5.1 CERAMAH PEMBENTUKAN AKHLAK

Dalam usaha membimbing pelajar-pelajar ke arah kecemerlangan akademik, UKK juga dengan anisiatifnya yang positif telah mengadakan ceramah pembentukan akhlak di kalangan pelajar-pelajar. Program ini diadakan di peringkat kolej dan kajian. Ia bertujuan untuk memberikan pendedahan kepada pelajar-pelajar tentang perlunya pembentukan akhlak di kalangan individu muslim.

Pembinaan akhlak yang mulia ini merupakan matlamat utama manusia itu diciptakan oleh Allah (s.w.t) ialah untuk menjadi khalifah di muka bumi ini dengan mengabdikan diri kepadaNya.¹ Unruk menjadi insan yang bertaqwa dan berakhhlak mulia. Orang yang bertaqwa sentiasa merealisasikan dua sumber pegangan dan panduan umat Islam yang berdasarkan kepada al-Qur'an dan sunnah Rasul. Kedua-dua sumber ini meliputi semua aspek kegiatan kehidupan manusia di dunia sama ada di bidang aqidah, syari'at, ibadah dan akhlak.²

Nabi Muhammad (s.a.w) diutuskan oleh Allah (s.w.t) adalah sebagai pembawa rahmat kepada penghuni. Agama yang dibawa oleh Baginda

¹Unit Kerjaya dan Kaunseling (UKK), *Laporan Tahunan Unit Kerjaya dan Kaunseling*, ITM Shah Alam, t.th, hal. 7.

²Al-Qur'an surah al-Zariyat, ayat: 56.

Rasulullah (s.a.w) ialah agama Islam untuk seluruh umat manusia di dunia ini dan bukannya khusus untuk sesuatu kaum sahaja, kerana Islam adalah satu cara hidup yang amat lengkap dan unik.³

Tatacara hidup manusia ini terdapat di dalam dua sumber perundangan iaitu al-Qur'an dan sunnah Rasulullah (s.a.w). Al-Qur'an adalah sumber perundangan Islam yang utama. Di dalamnya terkandung aspek tatacara hidup manusia yang dikehendaki dan diredayai oleh Allah (s.w.t). Segala keterangan dan hukum ahkam di dalam al-Qur'an dijelaskan dengan cara yang umum. Sementara sunnah Rasulullah (s.a.w) pula berperanan untuk menjelaskan sesuatu perkara itu dengan lebih terperinci lagi.⁴

Islam adalah agama yang amat mementingkan akhlak. Di dalam al-Qur'an terdapat banyak ayat-ayat yang berkaitan dengan akhlak manusia. Ini adalah amat tepat sekali kerana tujuan Nabi Muhammad (s.a.w) diutuskan oleh Allah (s.w.t) adalah untuk membentuk akhlak semua umat manusia di dunia ini.⁵

³ Abd al-Halim Mahmud, *Al-Tariq ila Allah*, Dar al-Ma'rifah, t.th, Misr, hal. 29.

⁴ Muhammad Uthman al-Muhammady, *Akhlik Dalam Islam*, Dewan Pustaka Fajar, Kuala Lumpur, 1988, hal. 16-17.

⁵ Hassan Langgulung, *Pendidikan Islam*, Penerbitan Pustaka Antara, Kuala Lumpur, 1979, hal. 163.

Ayat-ayat yang berkaitan dengan akhlak banyak diterangkan di dalam al-Qur'an seperti mana ayat-ayat yang berbentuk suruhan Allah (s.w.t) (*awamir*) dan ayat-ayat larangan-Nya (*nawahi*).

Ayat-ayat suruhan dan larangan Allah (s.w.t) ini adalah berkaitan secara langsung dengan akhlak dan perilaku manusia sama ada yang menyentuh aspek keimanan atau kepercayaan, aspek peribadatan dan aspek perundangan dan kemasyarakatan kerana Islam adalah agama yang unik dan lengkap melengkapi dan berkait rapat di antara satu aspek dengan aspek yang lain. Dengan kata lain ianya tidak dapat dipisahkan di antara satu sama lain. Ia dianggap bersepadu di antara aspek keimanan, peribadatan, perundangan dan kemasyarakatan.⁶

Berakh�ak mulai adalah menjadi wawasan umat. Umat yang berwawasan sentiasa mempunyai sikap bertanggungjawab. Tanggungjawab manusia di dunia ini adalah merangkumi dua aspek iaitu hubungan manusia dengan Allah (s.w.t) sebagai Pencipta dan hubungan manusia sesama manusia.⁷

Hubungan manusia dengan Allah (s.w.t) ialah dengan melaksanakan segala titah perintah-Nya dan menjauhi segala bentuk larangan-Nya. Ia juga

⁶Abu Bakar Ahmad bin Muhammad al-Khilal, *Al-Amr bi al-Ma'ruf wa al-Nahy al-Munkar*, Dar al-Ikhtisam, t.th, hal. 452.

Hubungan manusia dengan Allah (s.w.t) ialah dengan melaksanakan segala titah perintah-Nya dan menjauhi segala bentuk larangan-Nya. Ia juga dianggap sebagai ibadat khusus ataupun fardu 'ain. Sementara hubungan manusia sesama manusia ialah dengan menhayati dan melaksanakan akhlak, etika dan tatacara serta komunikasi yang cemerlang yang diutarakan oleh al-Qur'an al-Karim. Umpamanya ikhlas, amanah, bercakap benar, bersih, adil, berlemah lembut, sabar, berpendirian teguh, bermanis muka dan tolong menolong.⁸

Sifat-sifat mulia yang disarankan oleh al-Qur'an adalah sifat-sifat universal yang diakui dan dapat diterima oleh semua golongan masyarakat berbilang kaum. Sifat-sifat ini mudah dihayati sekiranya kita mempelajari dan memahami ajaran al-Qur'an. Umat yang maju di dunia dan di akhirat adalah terdiri daripada mereka yang mempunyai ciri-ciri akhlak mulia. Tanpa akhlak mulia sesuatu masyarakat dan sesebuah negara akan mundur, keundang dan hancur musnah, kerana akhlak mulia adalah tunggak kekuatan dan keutuhan sesebuah masyarakat dan negara.⁹

⁸Al-Ghazali, Abu Hamid, *Ihya Ulum al-Din*, jil. 3, Dar al-Kitab al-'Arabi, (t.t), Beirut, hal. 5-8.

⁹Sidi Gazalba, *Masyarakat Islam: Pengantar Sosiologi dan Sosiografi*, Pustaka Antara, Kuala Lumpur, 1986, hal. 66.

5.2 BENGKEL TINGKAH LAKU SOSIAL

Bengkel tingkah laku sosial ini merupakan aktiviti atau program yang terdapat di UKK. Di dalam aktiviti ini pelajar-pelajar didedahkan dengan aspek pembentukan akhlak dan moral di dalam pembangunan pelajar. Peranan kaunselor di sini ialah memberikan pendedahan kepada pelajar-pelajar tentang peranan akhlak dalam pembentukan individu pelajar.¹⁰

Akhlik merupakan unsur penting di dalam pembangunan individu, masyarakat dan negara. Krisis pembangunan negara akan berlaku sekiranya faktor akhlak tidak begitu dititiberatkan di dalam merancang pembangunan negara. Hakikat ini telah pun nyata apabila kita lihat pembangunan negara-negera sekular ditarik yang tidak seimbang.¹¹

Pembangunan tidak seimbang di antara unsur-unsur rohani dan jasmani akan melahirkan masyarakat yang tidak seimbang dari sudut akhlak dan moralnya. Sebab itulah Islam begitu menitikberatkan persoalan pembentukan akhlak dan moral. Bagi Islam untuk membina tamadun yang unggul dan berwibawa, unsur akidah, syariat dan akhlak perlu dibina dan dipupuk serta

¹⁰Unit Kerjaya dan Kaunseling, *Laporan Tahunan UKK*, Institut Teknologi MARA (ITM), Tidak diterbitkan, t.th, hal. 7.

¹¹Mahmood bin Mohd. Taib, *Sejarah Tamadun Islam*, Pustaka Aman Press (PAP), Kota Bharu, Kelantan, 1971, hal. 169.

dilaksanakan secara serentak. Faktor kekuatan akidah, akan melahirkan individu yang mempunyai komitmen terhadap pembangunan syariat dan akhlak. Tugas membina akhlak yang mulia merupakan tugas baginda Rasulullah (s.a.w), kerana perutusan baginda Rasulullah (s.a.w) ke dunia ini adalah untuk menyempurnakan akhlak yang mulia.¹²

Banyak ayat al-Qur'an dan sunnah Rasulullah (s.a.w) yang menitikberatkan persoalan pembinaan akhlak, sepetimana firman Allah (s.w.t):¹³

لَقَدْ كَانَ لِكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أَشْوَأُّ حَسَنَةٍ لِمَنْ كَانَ يَرْجُو اللَّهَ
وَالْيَوْمَ الْآخِرُ وَذِكْرُ اللَّهِ كَيْرًا (٢١)

Maksudnya:

"Dan sesungguhnya adalah bagi kamu pada diri Rasulullah (s.a.w) itu menjadi teladan yang baik iaitu baig orang yang mengharapkan (keredaan) Allah (s.w.t) dan (balasan baik) hari akhirat, serta ia pula menyebut dan mengingati Allah (s.w.t) banyak-banyak (dalam masa susah dan senang)"

¹² Al-Zarqani, *Sahih Muwata al-Imam Malik*, jil. 5, Matba'ah Mustafa al-Babi al-Halabi, 1962, hal. 251.

¹³ Al-Qur'an surah al-Ahzab, ayat: 21.

Menurut Islam, dasar akhlak tersebut hendaklah bersumber kepada tiga perkara iaitu:

1. Pengajaran dan teladan daripada kitab suci dan sunnah Rasulullah (s.a.w).
2. Pengajaran dan contoh teladan daripada Rasulullah (s.a.w).
3. Segala rupa perbuatan baik menurut pertimbangan akal fikiran yang sihat sesuai dengan tempat, keadaan dan waktu serta tidak bercanggah dengan dasar agama.¹⁴

Di dalam Islam akhlak mempunyai prinsip dan dasar serta falsafah yang tertentu di antaranya ialah:

1. Akhlak termasuk di antara perkara yang terpenting dalam hidup ini, untuk individu, masyarakat dan negara.

¹⁴ Al-Ghazali, *Ihya Ulum al-Din*, jil. 3, Mu'assasat al-Halabi al-Syarakah li al-Nasyr al-Tawzi, Qaherah, 1976, hal. 68.

- ii. Akhlak bukan sekadar kata-kata yang diulang-ulang dan slogan yang dipamerkan tetapi adalah watak atau kebiasaan atau sikap yang mendalam dijiwa.
- iii. Akhlak Islam bersumberkan wahyu Ilahi dan sesuai dengan fitrah manusia. Ia mempunyai ciri-ciri berikut:
- menyerah, iaitu mencakupi kegiatan ekonomi, politik, pentadbiran dan pemerintahan.
 - Keseimbangan antara tuntutan jasmani dan rohani, antara kemaslahatan dunia dan akhirat.
 - Kesederhanaan yang terletak antara dua pola yang tidak baik iaitu berlebihan dan berkurangan.

Berdasarkan kepada kenyataan di atas dengan ini jelas menunjukkan bahawa akhlak dan moral amat penting bagi membentuk masyarakat yang lebih adil, seimbang dan sentiasa bertanggungjawab. Sekadar pemupukan individu untuk menjadi seorang warganegara yang sempurna sebenarnya tidak memadai, kerana seorang warganegara yang sempurna belum pasti seorang insan yang baik, tetapi sekiranya seorang insan yang baik (sempurna) sudah tentu akan menjadi seorang insan yang baik dan sempurna. Rosak akhlak dan

moral bererti rosak hidup, rosak perhubungan dengan Allah (s.w.t), rosak perhubungan dengan masyarakat, negara, bangsa dan perhubungan dengan alam seluruhnya. Maka tiadalah satu kehancuran maruah yang lebih besar dari hancurnya akhlak manusia.¹⁵

Dengan ini jelaslah menunjukkan bahawa aktiviti atau program yang dilaksanakan oleh kaunselor di UKK sesuai dan bertepatan dengan kehendak Islam iaitu bertanggungjawab membentuk akhlak pelajar-pelajar. Ia juga merupakan salah satu dari tuntutan Islam dan dakwah iaitu mengajak manusia supaya berakhhlak dengan akhlak Islam.

5.3 CERAMAH PEKERJA DAN ETIKA

Ceramah pekerja dan etika ini merupakan salah satu saluran untuk kegiatan dakwah. Tujuan diadakan ceramah ini adalah untuk memberikan pendedahan kepada pelajar-pelajar tentang tanggungjawab pekerja dan etika sebagai persiapan pelajar-pelajar dalam menceburi bidang kerjaya masing-masing.¹⁶

¹⁵ Humaidi Tatapangara, *Pengantar Kuliah Islam*, Pustaka Nasional Pte, Ltd., Singapura, 1983, hal. 2-6.

¹⁶ Laporan Tahunan UKK, *op.cit.*, hal. 10.

Kerja merupakan satu tanggungjawab kepada setiap individu. Ia merupakan satu tugas dalam kehidupan sehariannya. Dalam perkara ini Rasulullah (s.a.w) telah mengingatkan sebagaimana sabdanya:

Maksudnya:¹⁷

كُلُّكُمْ رَاعٍ وَكُلُّكُمْ مُسْوِلٌ عَنْ رِعَايَتِهِ

“Setiap kamu adalah pengurus dan setiap pengurus adalah bertanggungjawab kepada apa yang diuruskanmu”

Sebenarnya sabda Rasulullah (s.a.w) tentang tugas dan tanggungjawab seseorang adalah panjang dan terperinci. Tetapi adalah cukup bermakna kepada kita, sekiranya semua pekerja dapat memahami dan menghayati maksud sabda Rasulullah (s.a.w) yang tercatit di atas.,

Dengan memahami dan mengamalkan maksud sabda Rasulullah (s.a.w) tersebut, para pekerja dapat menghindarkan diri mereka daripada termasuk ke dalam golongan para pekerja yang mengamalkan konsep kerja kebendaan, konsep kerja anti ilmu dan konsep kerja tidak bersepadu. Ketiga-tiga jenis

¹⁷ Shahih Bukhari, juz 1 Dar al-Mathabi Assya'bi, Mesir, t.th, hal. 256.

konsep kerja ini perlu dihapuskan dengan segera kerana ia merupakan punca kelemahan ekonomi, kualiti hidup dan pembangunan rakyat dan negara.

Konsep kerja kebendaan bermakna menjalankan tugas tanpa mengambilkira hal-hal keilmuan dan kemanusiaan. Setiap tugas dan tanggungjawab yang dilakukan tertumpu kepada ganjaran ekonomi dan pengiktirafan sosial, bukannya untuk perkembangan akal dan pembinaan manusia. Implikasinya berlakulah kemerosotan produktiviti baik di peringkat individu, institusi ataupun negara.¹⁸

Apabila wujudnya konsep kerja kebendaan, maka akan lahir konsep kerja anti ilmu. Setiap fakta, maklumat dan kemahiran yang diperolehi tidak digunakan untuk mendalami lagi makna kehidupan, sebaliknya setiap fakta, maklumat dan kemahiran yang diperolehi digunakan untuk pembangunan kebendaan dan keselesaan hidup. Tegasnya fakta, maklumat dan kemahiran yang diperolehi digunakan untuk memenuhi desakan ekonomi dan tuntutan sosio politik sahaja.¹⁹

Bertolak dari konsep kerja anti ilmu akan mewujukkan konsep kerja tidak bersepadu, iaitu konsep kerja yang memisahkan unsur-unsur ilmu, akhlak

¹⁸ Abdul Halim El-Muhammady (Prof. Dr.), *Pengurusan Dalam Islam*, cet. 1, Persatuan Bekas Mahasiswa Islam Timur Tengah, Selangor Darul Ehsan, 1996, hal. 166.

¹⁹ *Ibid*, hal. 167.

dan kemanusiaan. Implikasi daripada konsep kerja tidak bersepadan itulah lahirnya aktiviti-aktiviti mungkar seperti pecah amanah, penipuan dan rasuah.²⁰

Ketiga-tiga penekanan ini merupakan penekanan sejagat. Ini bermakna semua bangsa, institusi, negara dan agama akan mengalami kemerosotan produktiviti, kualiti hidup dan kelemahan tamaddun, apabila membiarkan ketiga-tiga kosenp kerja ini berleluasa di kalangan para pekerja.²¹

Oleh itu, para pekerja sama ada pihak pengurusan atau pihak bawahan perlu menilai kembali tugas dan tanggungjawab yang telah diamanahkan kepada mereka.

Kesimpulannya, Islam meletakkan manusia ditaraf yang sama, pekerja atau pengurus yang diikatkan dengan tuntutan dan etika yang sama. Akidah, syari'at dan cabang-cabangnya adalah merupakan asas utama bagi seseorang pekerja yang cemerlang. Kecemerlangan kerja juga berkait langsung di antara persamaan dan persefahaman, keyakinan dan kepentingan antara pekerja dengan pihak majikan.

²⁰ *Ibid.*, hal. 66.

²¹ *Ibid.*, hal. 66.

5.4 CERAMAH AKHLAK DALAM ISLAM

Dalam usaha membentuk akhlak yang mulia di kalangan pelajar-pelajar, kaunselor berperanan menerapkan nilai-nilai Islam di dalam perkhidmatannya. Untuk tujuan ini, pelajar-pelajar diberikan pendedahan tentang akhlak dalam Islam. Aktiviti ini dijadikan kolej dan kajian.²²

Tujuan diadakan aktiviti ini adalah untuk memberikan pendekatan kepada pelajar-pelajar tentang peranan akhlak dalam pembentukan peribadi muslim. Program ini merupakan tuntutan dalam Islam dan juga merupakan salah satu tujuan dakwah iaitu membentuk keperibadian manusia ke arah yang diredayai oleh Allah (s.w.t). Perutusan Rasulullah (s.a.w) ke atas dunia ini adalah untuk memperbaiki akhlak manusia.²³

Islam yang merangkumi akidah dan syariah itu mengandungi roh akhlak. Akhlak merupakan jauhar atau rohnya yang menyerapi semua aspek dan hidunya. Semua sudut dan seginya. Akhlak adalah roh kepada risalah Islam. Sementara syari'atnya atau sistem perundungan adalah lembaga jelmaan dari roh tersebut maka matlamat atau sasaran yang hendak dicapai

²² Temuduga dengan Encik Mohd Din Adnan di pejabatnya pada 24.11.1995. Beliau ialah Pegawai Bimbingan dan Nasihat Unit Kerjaya dan Kaunseling ITM Shah Alam.

²³ Mohd Kamal Hassan (Dr.), "Peranan Akhlak Dalam Pendidikan", "Kertas Kerja Seminar Intelek Islam Ke-VIII", Anjuran Persatuan Bekas Mahasiswa Islam Timur Tengah dan Bahagian Hal Ehwal Islam JPM, Pusat Islam, Kuala Lumpur 1987, hal. 2.

oleh risalah Islam pada kehidupan manusia ialah sasaran akhlak. Ini juga bererti bahawa Islam tanpa akhlak hanya merupakan rangka yang tidak punya isi, atau jasad yang tidak punya nyawa atau bahan yang tidak punya nilai. Demikian juga akidah Islam dan syari'atnya yang merangkumi semua aspek kehidupan itu hanya merupakan rupa bentuk yang tidak punya nilai seni keindahannya. Akidah ialah keyakinan terhadap Allah (s.w.t) acuan yang bersifat nazari, demikian juga syari'at merupakan acuan Allah yang bersifat amali. Kedua-dua acuan ini hanya akan dapat melahirkan bentuk geraklaku perbuatan atau gerak amalan yang baik dan indah jika mengandungi nilai akhlak hasil dari sifat akhlak.²⁴

5.5 CERAMAH PENGURUSAN MASA DARI PERSPEKTIF ISLAM

Dalam usaha membimbing pelajar-pelajar ke arah kecemerlangan belajar dengan berkesan, UKK dengan usaha kaunselor telah mengadakan ceramah pengurusan masa dari perspektif Islam.²⁵ Ini adalah bertujuan untuk memberikan pendedahan kepada pelajar-pelajar bagaimana menggunakan masa dengan sebaik-baiknya.

²⁴Rashidi, *Falsafah Dan Agama*, Bulan Bintang, Jakarta, 1990.

²⁵Muhammad Mustafa Hilmi, *al-Hidayat al-Rahiyah fi al-Islam*, al-Hay'ah al-Misriyyah al-'Ammah li al-Ta'lif wa al-Nasr, 1970., hal. 111.

Kehidupan manusia di dunia ini adalah sebagai jalan menuju ke *dar al-akhirat* (negeri akhirat) yang abadi. Rasulullah (s.a.w) telah menggariskan panduan yang sangat berguna dalam menfaatkan masa untuk kesejahteraan di dunia amnya dan di akhirat khususnya. Rasulullah (s.a.w) pernah bersabda mengenai kepentingan menggunakan masa di antaranya ialah, peluang masa lapang sebelum datang masa sibuk, masa muda sebelum datang masa tua, masa sihat sebelum datang masa sakit, masa kaya sebelum datang masa susah dan masa hidup sebelum datangnya hari kematian.²⁶

Apa yang diambil dari fahaman maksud sabda Rasulullah (s.a.w) di atas ialah mengajar dan membimbing manusia supaya merebut peluang yang ada semaksima mungkin ketika berkemampuan melakukannya. Masa muda dan sihat kita hendaklah dipergunakan untuk melakukan amalan sesempurna mungkin kerana kesempurnaan ini akan berkurangan apabila tua dan sakit.²⁷

Tegasnya, masa sihat dan masa hidup di dunia hendaklah digunakan sepenuhnya dan sebaiknya untuk amal dan pekerjaan yang berguna dan mendatangkan faedah di kemudian hari dan hargailah masa sihat sebelum datang masa sakit dan mati. Seorang yang berhasrat mencapai kebahagiaan

²⁶ Yusuf al-Qadhwai (Dr.), *Pengurusan Masa Dalam Islam*, Terj: Khairul Anuar bin Ahmad, cet. 1, al-Hidayah Publisher, Kuala Lumpur, 1996, hal. 29.

²⁷ Lokman Abd. Rahman, *Pengurusan Islam, Etika, Komunikasi dan Motivasi*, As Saff Enterprise, Shah Alam, Selangor, 1997, hal. 21.

hidupnya hendaklah menyedari nilai masa di dunia ini sebelum datangnya sesuatu yang dapat mengganggu dan membinasakannya, seperti kesusahan, kesakitan, kesibukan, kekacauan dan kematian.²⁸

Kesimpulannya, soal-soal yang berkaitan dengan pengurusan masa sangat-sangat dititikberatkan dalam Islam sehingga orang yang menghabiskan masanya di dunia ini dalam perkara-perkara yang sia-sia dianggap sebagai orang yang rugi. Justeru itu, pengagihan dan penggunaan masa secara tepat dan bijak merupakan nilai yang sangat berharga dalam membentuk umat Islam yang dinamik, produktif dan progresif. Bagi mencapai cita-cita ini, seluruh masa dalam kehidupan seseorang muslim mestilah disalurkan ke arah kebijakan dan kerja-kerja yang diberkati oleh Allah (s.w.t).

5.6 LATIHAN PEMBANGUNAN KAKITANGAN²⁹

Unit Kerjaya dan Kaunseling (UKK) tidak ketinggalan dalam menjalankan misi dakwahnya kepada kakitangan dengan mengadakan ceramah bimbingan ke arah galakan bekerja dalam Islam. Kakitangan didedahkan dengan motivasi supaya bekerja dengan cemerlang. Ini bertepatan dengan kehendak Islam menggalakkan agar setiap individu mencapai taraf hidup yang

²⁸ *Ibid.*, hal. 23.

²⁹ Laporan Tahunan UKK, *op.cit.*, hal. 13.

sebaik-baiknya di dalam masyarakat di samping amal ibadah sehariannya terhadap Allah (s.w.t). Islam sekali-kali tidak mahu melihat umatnya hidup dalam keadaan lapar atau menderita kemiskinan, kerana keadaan tersebut boleh menghalang seseorang dari menghampirkan diri kepada Allah (s.w.t) untuk beribadat.³⁰

Bekerja merupakan senjata utama untuk memerangi kemiskinan selain daripada jalan untuk mencapai kejayaan juga merupakan jalan untuk mencapai kemakmuran di dalam sesebuah masyarakat. Untuk menolong manusia supaya lebih bergiat di bidang ini Islam telah membuka berbagai lapangan pekerjaan bagi umatnya agar ia dapat memilih lapangan mana yang sesuai dengan keahliannya, kemampuannya dan pengalamannya. Dan sebaliknya Islam mengharamkan pekerjaan yang ternyata mendatangkan kemudaratian baik terhadap individu atau masyarakat.

Kesimpulannya, setiap muslim wajib bekerja dan berusaha untuk mendapatkan rezeki di atas muka bumi ini tidak kira apa bentuk pekerjaan sekalipun asalkan halal di sisi Allah (s.w.t) sama ada pertanian, pertukangan, perdagangan dan sebagainya. Hasilnya selain daripada untuk keperluan diri juga untuk keluarga tanpa mengharapkan bantuan dari seorang lain atau pemerintah.

³⁰ Labib al-Sa'id, *Pekerjaan Dan Kaum Buruh. Analisa Dari Sudut Islam*, Terj. Dr. Mat Saad Abd Rahman, Penerbitan al-Hizbi, cet 1, Selangor, 1986, hal. 14.

Dengan penjelasan yang diberikan kepada pelajar-pelajar dan kakitangan berkenaan dengan bekerja dalam Islam akan menambahkan lagi dorongan untuk berusaha dengan lebih gigih lagi. Usaha mendorong manusia ke arah kebaikan dan kesejahteraan merupakan salah satu tujuan dakwah.

5.7 KURSUS MOTIVASI

Dalam usaha membimbing pelajar-pelajar ke arah kecemerlangan akademik dan non akademik UKK menjalankan usaha murninya dengan mengadakan kursus motivasi. Kursus ini bertujuan untuk meningkatkan keupayaan pelajar-pelajar ke arah kecemerlangan di dalam pembelajaran akademik.³¹

Kursus motivasi ini merupakan pendekatan yang sesuai digunakan dalam proses pendidikan sama ada di sekolah atau di rumah. Motivasi yang tinggi akan mendorong golongan pelajar belajar dengan rajin dan bersungguh-sungguh. Termasuk di dalam motivasi pembelajaran ialah membuat persediaan

³¹ Temuduga dengan Puan Rokiah bte Mahmood di pejabatnya pada 18.5.1996. Beliau ialah Pegawai Bimbingan dan Nasihat Unit Kerjaya dan Kaunseling ITM Shah Alam.

diri untuk belajar. Ia merupakan salah satu aspek penting untuk pembelajaran. Persediaan inilah yang memberi makna dan kesan kepada proses belajar.³²

Ada beberapa cara motivasi dapat ditanamkan oleh guru, kaunselor dan ibu bapa iaitu dengan membantu mereka memahami kaitan bahan pembelajaran itu bukan sahaja penting untuk individu itu, tetapi juga berkaitan dengan fungsi individu itu di masa akan datang dan sebagai persediaan untuk menjalani hidup dengan lebih berkesan.

Pendekatan motivasi boleh dilakukan dengan cara membantu pelajar meningkatkan keyakinan diri dengan cara dorongan bukan dengan paksaan. Contohnya memberi perangsang supaya mereka melibatkan diri dalam aktiviti yang boleh meningkatkan keupayaan dan penghargaan diri seperti bersukan, lukisan dan aktiviti kesenian yang tidak bercanggah dengan Islam.³³

Di samping itu motivasi juga boleh diberikan dengan cara memperkenalkan situasi pendidikan dan pembelajaran yang selesa, menarik dan menyeronokkan yang sesuai dengan tahap perkembangan pelajar. Galakan dan bimbingan dalam menentukan arah pembelajaran mereka sendiri mengikut

³²Mohd Yunus Noor, *Psikologi Dan Teknik Belajar Yang Berkesan*, cet. 2, Siri Pendidikan Fajar Bakti Sdn. Bhd. Selangor, Darul Ehsan, 1991, hal. 33.

³³Yusof Ismail, *Mengurus Secara Islam*, cet. 1, Penerbit AS Noordeen Percetakan Zafar Sdn. Bhd. Kuala Lumpur, 1991, hal. 1954.

kemampuan dan kecederasan diri mereka turut boleh dilaksanakan. Pelajar juga mula belajar bertingkah laku sebagaimana diharapkan oleh orang dewasa. Mereka mempelajari tentang bentuk tingkah laku yang diterima oleh masyarakat dan yang mendatangkan faedah kepada mereka.³⁴

Bagi pelajar, pendapat orang lain terutama pendapat ahli-ahli kumpulan dan rakan sebaya amat bermakna. Oleh itu, mereka akur kepada tingkah laku dan buah fikiran ahli kumpulan. Segala apa yang dilakukan oleh kawan-kawan adalah betul dan apa yang penting di sini ialah proses identifikasi kepada norma-norma kumpulan kerana identiti kumpulan adalah identiti mereka sendiri.³⁵

5.8 PROJEK KHIDMAT MASYARAKAT

Salah satu usaha dakwah yang dilakukan oleh UKK ialah projek khidmat masyarakat. Ia dilakukan di perkampungan luar daripada ITM. Projek ini dibantu oleh masyarakat kampung dengan kerjasama pejabat daerah dan ketua kampung.³⁶

³⁴Ibid., hal 156.

³⁵Atan Long (Prof.), *Psikologi Pendidikan*, Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur, 1988, hal. 325.

³⁶Laporan Tahunan UKK, *op.cit.*, hal. 30.

Keseluruhan aktiviti projek khidmat masyarakat (OPKIM) ini berdasarkan kepada pendekatan atau konsep *da'wah bi al-hal* (dakwah dengan perbuatan). Antara aktiviti yang dilaksanakan ialah:

1. Gotong Royong

Gotong royong adalah urusan kebajikan yang mulia dan banyak manfaatnya. Islam menggesa umatnya bekerjasama dan bergotong royong dalam menjalankan urusan mereka. Al-Qur'an menegaskan menerusi firman Allah:³⁷

وَتَعَاوُنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالنَّقْوَىٰ وَلَا تَنْعَوُا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعَدْوَنِ

Maksudnya:

"Tolong menolonglah kamu dalam perkara-perkara kebaikan dan taqwa dan janganlah kamu tolong menolong dalam urusan dosa dan permusuhan"

Mengambil semangat, satu aktiviti gotong royong telah dilaksanakan. Ia membabitkan para pelajar, penduduk kampung dan pejabat setempat. Mereka menunjukkan kerjasama yang baik.

³⁷ Al-Qur'an surah al-Maidah, ayat: 2.

14. Pendidikan Dan Motivasi

Pendidikan sangat penting dalam menjana masyarakat dinamik dan unggul. Manusia untuk menjadi baik memerlukan didikan, pelajar, latihan dan bimbingan dalam usaha mencapai kesempurnaan hidup. Sehubungan dengan itu, dalam latihan amali yang dijalankan, para peserta latihan amali telah memberi bimbingan dan motivasi pendidikan kepada pelajar-pelajar sekolah menengah, rendah dan tadika.

iii. Makan Bersama Penduduk Kampung

Metode mengadakan jamuan makan bersama *mad'u* (saranan dakwah) telah dilaksanakan oleh Rasulullah (s.a.w) dalam pendekatan dakwahnya. Rasulullah (s.a.w) dalam pendekatannya secara berhati-hati dalam menyampaikan dakwah telah memikirkan cara terbaik supaya rancangan dakwahnya tidak rosak telah dilaksanakan kepada kaum keluarganya yang terdekat terutama Bani Hashim³⁸ setelah turunnya perintah Allah:³⁹

وَأَنذِرْ عِشِيرَةَ الْأَقْرَبِينَ

³⁸ Al-Zay Samih 'Arif, *Khatam al-Nabiyyin*, juz. I, Dar al-Kitab al-Lubnani, 1980, hal. 363.

³⁹ Al-Qur'an surah al-Shu'ara, ayat: 214.

Maksudnya:

"Beri peringatanlah kepada kaum keluargamu yang terdekat"

Dakwah terhadap masyarakat kampung telah mengambil satu contoh daripada metode dakwah Rasulullah (s.a.w) tersebut. Melalui majlis makan bersama keluarga dari segi psikologinya boleh menarik sasaran dakwah. Ia merupakan kesempatan yang terbaik untuk peserta latihan amali berkomunikasi dan menyampaikan mesej kepada *mad'u* (sasaran dakwah).

iv. Keluarga Angkat

Program keluarga angkat adalah penting dalam menjalankan misi *da'wah fardiyah* (dakwah individu) dan *dak'wah bi al hal* (dakwah melalui perbuatan) secara lebih berkesan. Melalui program keluarga angkat para peserta latihan amali telah menunjukkan contoh kehidupan seorang muslim yang baik. Ini telah dapat menghapuskan prasangka buruk di kalangan masyarakat kampung terhadap amalan yang dijelmakan oleh Islam.

v. Ziarah

Dalam usaha membina hubungan yang baik supaya mesej dan keindahan Islam dapat ditonjolkan, aspek ziarah dianggap sangat penting

dalam pelaksanaan metodologi dakwah. Ziarah yang dilakukan dapat memberikan gambaran keprihatian para *da'i* (pendakwah terhadap *mad'u* (sasaran dakwah).⁴⁰ Dengan cara ini masyarakat kampung merasa dihargai dan diberi perhatian. Aktiviti atau program ziarah ini dilaksanakan secara teratur dan fleksibel di mana para pelajar boleh pergi secara bersendirian ke rumah keluarga angkat mereka atau secara berkumpulan.

Kesimpulannya, aktiviti atau program khidmat masyarakat adalah satu kerja yang mulia. Dakwah terhadap masyarakat kampung adalah termasuk dalam unsur yang mulia. Secara amnya, metode dakwah *bi al hal* (dakwah melalui perbuatan) yang dilaksanakan dalam program khidmat masyarakat ini adalah bersifat boleh diterima oleh masyarakat desa.

Berdasarkan kepada penjelasan mengenai aktiviti atau program UKK di dalam perkhidmatannya, dapat dibuat satu kesimpulan bahawa UKK telah memberikan bimbingan dan khidmat nasihat kepada pelajar-pelajar dan kakitangan ke arah kebaikan dan pembentukan akhlak yang mulia. UKK juga prihatin tentang sesuatu isu-isu yang berkaitan dengan kebajikan pelajar dengan memberikan bantuan dari segi moral ke arah kecemerlangan akademik dan non akademik pelajar-pelajar.

⁴⁰ Muhammad Amin al-Misr, *Sabil al-Da'wah al-Islamiyah*, Dar al-Arqam, Kuwait, 1986, hal. 70.

Seterusnya UKK juga memberi sumbangan yang positif kepada aktiviti pelajar dengan memberikan sokongan yang sepenuhnya dalam menjayakan aktiviti tersebut. Dengan sokongan ini membolehkan pelajar-pelajar menjalani aktiviti dengan jayanya.

UKK juga turut menyumbangkan tenaganya ke arah menyampaikan misi khidmatnya ke sekolah-sekolah luar bandar dalam usaha memberikan penerangan kepada masyarakat tentang peluang-peluang melanjutkan pelajaran ke ITM. Usaha ini merupakan satu usaha kebijakan yang memang dituntut oleh Islam.